

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
PUAN ELLIE SURIATY BINTI OMAR  
PELAKON DAN PENGARAH DI MALAYSIA

OLEH:

NUR SYAHIRAH BINTI YUSOFF	2021189613
WAN AZIA MARIA BINTI WAN MAZLAN	2021340931

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2022 – JULAI 2022)

# **PENGHARGAAN**

# PENGHARGAAN

Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Ilahi kerana dengan izin-NYA kami dapat menyempurnakan tugas transkrip ini untuk subjek Oral Documentation (IMR604) dengan jayanya. Dengan kesempatan yang ada ini kami amat berbesar hati untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Puan Nurulannisa Binti Abdullah kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melaksanakan tugas yang diberikan dan sentiasa memberi tunjuk ajar satu persatu kepada kami dalam menyempurnakan tugas ini dengan sebaik-baiknya.

Selain itu, kami juga berterima kasih kepada tokoh kami iaitu Puan Ellie Suriaty Binti Omar kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama yang sangat- sangat baik sepanjang temubual kami bersama beliau, banyak berkongsi pengalaman dan pendapat beliau bagi merealisasikan usaha untuk menyempurnakan tugas ini dengan jayanya. Malah kami merasa bertuah kerana mendapat tokoh yang amat mudah didekati. Ucapan ini juga ditujukan kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan tugas ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Dengan itu, tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada rakan seperjuangan yang lain atas sokongan dan pandangan secara langsung ataupun tidak langsung sepanjang proses pembikinan transkrip ini selesai. Segala bantuan yang telah mereka hulurkan amatlah kami hargai kerana tanpa bantuan dan sokongan mereka, semua tugas ini mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan baik.

Sekian, terima kasih

# **ISI KANDUNGAN**

# ISI KANDUNGAN

Penghargaan .....	i
Isi Kandungan .....	ii
Abstrak .....	iii
Biodata Tokoh.....	iv
Senarai Abreviasi.....	v
Pengenalan.....	vi
Kajian Literatur.....	viii
Transkrip.....	1
Bahagian 1: Latar Belakang .....	1
Bahagian 2: Sejarah Pendidikan .....	4
Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya .....	7
Bahagian 4: Sejarah Lakonan .....	12
Bahagian 5: Sumbangan.....	19
Bahagian 6: Anugerah.....	20
Bahagian 7: Harapan .....	23
Rujukan.....	30
Lampiran	
Log Wawancara .....	32
Diari Kajian .....	36
Senarai soalan .....	39
Surat Perjanjian .....	46
Gambar.....	47
Indeks.....	48

# **ABSTRAK**

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini dilakukan bersama seorang pelakon dan pengarah wanita Malaysia iaitu Puan Ellie Suriaty Omar ataupun lebih dikenali sebagai Puan Ellie Suriaty untuk mengetahui tentang pengalaman dan kerjaya beliau dalam bidang lakonan dan pengarah. Tujuannya adalah untuk mengumpulkan fakta, memori dan pengalaman peribadi tokoh tersebut yang mempunyai nilai yang baik. Temubual ini telah dijalankan atas talian menggunakan platform yang sesuai seperti Google Meet di tempat masing-masing. Tarikh temubual tersebut adalah pada 24 Julai 2022 bermula pada jam 2.15 petang hingga 3.15 petang untuk Sesi 1, dan 31 Julai 2022 pada jam 11.30 pagi hingga 1 tengah hari untuk Sesi 2. Puan Ellie Suriaty ialah seorang pelakon dan pengarah Wanita Malaysia. Terdapat tiga objektif kajian ini iaitu pertama, untuk mengetahui tentang pengalaman dan sumbangan tokoh dalam bidang lakonan di Malaysia sehingga terkenal. Kedua, untuk menghasilkan satu dokumen lisan yang disaksikan oleh mata, pendengaran dan keterangan secara lisan dalam bentuk rakaman ataupun transkrip. Objektif kajian yang terakhir ialah untuk mengenalpasti setiap proses sejarah lisan dengan lebih tepat. Kini, bakat semulajadi Puan Ellie Suriaty terserlah kerana beliau adalah seorang pelakon dan pengarah yang serba boleh. Justeru, nama beliau kini sebaris dengan nama-nama besar tanah air. Seterusnya, pelbagai ujian dan cabaran telah dihadapi oleh Puan Ellie Suriaty semasa menceburi bidang lakonan sehingga terkenal. Dengan itu, pengalaman dan kerjaya beliau dapat dijadikan sebagai inspirasi kepada semua orang.*

**Kata kunci:** *Ellie Suriaty Omar, Pelakon Wanita Malaysia, Pengarah Wanita Malaysia, Seni Tanah Air, Sejarah Lisan*

# **BIODATA TOKOH**



# BIODATA TOKOH

Nama : Ellie Suriaty binti Omar  
Umur : 51 tahun  
Tarikh lahir : 20 Februari 1971  
Tempat lahir : Hospital Universiti Petaling Jaya  
No. telefon : 010-5496399  
Nama ibu : Noriah binti Mat Akhir  
Nama ayah : Omar bin Abdul Hamid  
Bilangan adik beradik : 5  
Alamat rumah : Bukit Antarabangsa, Ulu Klang, Selangor  
Pendidikan : Sekolah Rendah: Sekolah Seri Petaling, Petaling  
Jaya  
Sekolah Menengah: Sekolah Sultan Ibrahim Girl  
School, Johor Bharu

# **SENARAI ABREVIASI**

# SENARAI ABREVIASI

## SINGKATAN NAMA

## SINGKATAN PENUH

CGI	Computer-Generated Imagery / Imej Janaan Komputer
DCP	Digital Cinema Package / Pakej Pawagam Digital
DM	Direct Message / Mesej Terus
EQ	Emotional Quotient / Kecerdasan Emosi
IC	Identification Card
ICU	Intensive Care Unit
IG	Instagram
LPF	Lembaga Penapis Filem
MAS	Malaysia Airlines System / Sistem Penerbangan Malaysia
MM	Millimeters / Milimeter
NGO	Non-Profit Organization
PG	Parental Guidance / Bimbingan Penjaga
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
ROI	Return of Investment / Pulangan Pelaburan
ROS	Registrar of Society
SIGS	Sultan Ibrahim Girl School
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STAR	Sekolah Tengku Ampuan Rahimah
SX	ScreenX / SkrinX
TV	Television / Televisyen
UK	United Kingdom

# **PENGENALAN**

# PENGENALAN

Sejarah lisan merupakan satu kaedah ataupun satu perkara yang telah terjadi pada masa lalu yang akan dikaji dan direkodkan semula sebagai sumber rujukan kepada para pengkaji pada masa hadapan kerana ia merupakan pengumpulan fakta - fakta dari peristiwa yang dialami oleh seseorang. Pengertian sejarah lisan yang dipetik dari Laman Web Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), mengatakan bahawa sejarah lisan adalah satu pengalaman bersejarah yang dihadapi oleh seseorang tokoh yang dipilih dan dirakamkan secara wawancara. Maklumat yang telah diperolehi akan disalin, disemak, dan ditaip sebagai sumber penyelidikan. Oleh yang demikian, penggunaan sejarah lisan adalah sebagai cabang sejarah yang sangat penting memandangkan kekurangan sumber bertulis dan sumber arkeologi dalam pengkajian sesebuah sejarah. Tujuannya adalah untuk mengumpulkan fakta, memori dan pengalaman peribadi tokoh tersebut yang mempunyai nilai yang baik.

Selain itu, antara proses yang perlu dijalankan untuk penghasilan sejarah lisan tentu memainkan peranan yang penting untuk melengkapkan transkrip. Setiap penyelidik harus membuat perancangan yang awal untuk menetapkan tajuk kajian, maklumat awal dan membina soalan-soalan yang akan disoal kepada tokoh tersebut. Setelah itu, penyelidik haruslah mengenalpasti latar belakang dan maklumat-maklumat yang penting tentang tokoh tersebut dan seterusnya mengumpulkan maklumat yang diperolehi melalui temubual dan rakaman yang telah dijalankan bersama beliau. Selepas pengumpulan maklumat, penyelidik perlu menghadapi proses transkrip yang memerlukan penelitian yang agak sukar kerana butir-butir setiap percakapan dalam rakaman harus dipindahkan kepada bentuk tulisan. Dengan itu, penyelidik akan membuat penulisan tentang hasil kajian dan mengurus hasil kajian tersebut dengan baik.

Seterusnya, kajian ini adalah untuk menjalankan satu temubual sejarah lisan tentang tokoh veteran yang dipilih untuk dijadikan satu penulisan dan transkrip berdasarkan maklumat yang diperolehi. Proses pemilihan tokoh dijalankan dengan menentukan tajuk dan skop maklumat yang hendak dijalankan samaada dari segi pelakon, pengarah, penyanyi dan sebagainya yang mempunyai keistimewaan dan pengalaman yang berbeza dalam diri mereka yang perlu dikaji untuk sumber masa hadapan. Pemilihan tokoh adalah dari segi lakonan dan pengarah yang mempunyai pengalaman yang banyak berkaitan dengan bidang seni itu. Oleh itu, tokoh tersebut adalah yang tepat untuk ditemubual kerana beliau mempunyai maklumat-maklumat yang baik berdasarkan penglibatannya sendiri.

Tokoh yang telah dipilih ialah Puan Ellie Suriaty Omar yang merupakan seorang pelakon dan juga pengarah wanita di Malaysia yang sudah bertahun berkarya dalam bidang

seni. Beliau telah menceburi bidang ini dengan keyakinan dan semangat yang tinggi yang ada pada beliau sehingga dapat mengharumkan seni tanah air di Malaysia. Beliau telah memenangi kategori Pelakon Pembantu Wanita Terbaik di Festival Filem Malaysia ke-16 yang dianjurkan oleh Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), iaitu beliau memenangi anugerah tersebut memalui satu filem yang bertajuk Soalnya Siapa? Selain itu, pada tahun 2016, Puan Ellie Suriaty juga telah dilantik sebagai tenaga pengajar Akademi Fantasia 2016 dan menjadi Guru Seni Persembahan. Kini, bakat semulajadi Puan Ellie Suriaty terserlah kerana beliau adalah seorang pelakon dan pengarah yang serba boleh. Nama beliau juga kini sebaris dengan nama-nama besar tanah air di Malaysia.

# **KAJIAN LITERATUR**

# KAJIAN LITERATUR

Salah satu masalah dalam pengembangan kebudayaan atau kesenian di Malaysia ialah kesukaran mendapatkan maklumat tentang badan-badan penggiat kebudayaan atau kesenian (Roosfa Hashim, 2010). Maka, tujuan tinjauan literatur diadakan adalah untuk menerangkan dengan lebih mendalam tentang kajian yang dilakukan oleh penyelidik tentang penulisan yang membawa kepada perbincangan secara ringkas mengenai hasil penyelidikan terutamanya mengenai artis veteran.

Seniwati merujuk kepada seseorang yang kreatif, atau inovatif, atau mahir dalam sesuatu bidang seni atau lebih dikenali sebagai artis (Kamus Melayu Educalingo, 2020). Sebagai contohnya, pelakon, penari, penyanyi, pemuzik dan pelukis. Ahli sejarah seni dan pengkritik seni mendefinisikan artis sebagai orang yang mencipta seni dalam sempadan yang diiktiraf. Pada tahun 1980-an, istilah artis digunakan untuk menggantikan istilah seniman dan seniwati kerana mengikut peredaran zaman. Justeru, perkataan artis juga telah diambil daripada bahasa Inggeris yang bermaksud seniman. Manakala, veteran pula bermaksud orang yang banyak pengalamannya dalam sesuatu perkara (Kamus Dewan Edisi Keempat). Ini bermakna seseorang yang mempunyai banyak pengalaman sama ada dalam bidang tarian, lakonan, nyanyian atau muzik. Namun, terdapat juga segelintir yang mempunyai bakat semulajadi atau pekerjaan yang dijalankan secara profesional.

Menurut Ramlah Ram (2018), gelaran veteran, otai atau legenda sesuai digelar apabila seseorang artis itu sudah bersara dari bidang diceburinya kerana nama mereka akan sentiasa diingati buat selama-lamanya. Justeru, menerusi artikel Gempak (2020), masyarakat beruntung memiliki seleksi pelakon otai yang masih aktif dalam bidang seni biarpun meniti usia emas. Ini kerana, keberadaan mereka menjadi kompas buat artis baharu untuk mencorakkan perjalanan karier seni mereka.

Seterusnya, lakonan bermaksud cara berlakon atau cara melakonkan sesuatu peranan dalam drama seperti sandiwara yang memuaskan (Kamus Dewan Edisi Kedua, 2017). Lakonan ialah salah satu aktiviti manusia yang bertujuan untuk mengembirakan hati dengan cara meniru watak yang berlainan dengan dirinya yang sebenar. Ini merupakan sesuatu lakonan yang menggabungkan beberapa elemen seperti suara, emosi, pergerakan, imaginasi dan kreatif. Oleh itu, keperibadian dan minat seorang seniman visual dalam menghasilkan seni adalah elemen penting dalam memastikan kepuasan mereka ketika berkarya. Hal ini secara tidak langsung akan membantu meningkatkan motivasi dan produktiviti mereka. (Syed Alwi Syed Abu Bakar, 2021)

Di samping itu, pengarah juga terlibat dalam industri seni yang membawa maksud orang yang berkerja sebagai pengarah dalam mengarah filem, drama atau sebagainya



(Kamus Dewan dan Pustaka, 2017). Pengarah filem berperanan untuk memberi arahan kepada pemeran dan kru dan mencipta visi keseluruhan di mana sebuah filem akhirnya menjadi kenyataan atau diperhatikan. Maka, tugas pengarah filem adalah untuk memikirkan cara untuk menterjemahkan lakon layar menjadi filem yang terbentuk sepenuhnya, dan kemudian merealisasikan visi ini. Dalam erti lain, pengarah juga harus mampu berkomunikasi secara visual dan menterjemahkan skrip ke dalam filem menerusi penggunaan sudut yang baik (Abdul Razak Haja Mohaideen, 2018) kerana mereka berperanan untuk memotret dan memberi maklum balas yang tepat kepada pelakon dan kru. Oleh itu, pengarah perlu memastikan bahawa semua individu yang terlibat dalam produksi filem berusaha menuju visi yang sama untuk filem yang disiapkan.

Menurut Abdul Razak Haja Mohaideen, 2018, adalah disarankan agar penerbit dan pengarah untuk memperbanyakkan bahan bacaan bagi mendapatkan idea baru untuk menghasilkan sebuah skrip yang lebih berunsur realisme dan berkualiti. Selain membaca, penontonan filem-filem luar dari pelbagai negara juga digalakkan bagi menghasilkan satu skrip yang baru dan berbeza. Oleh itu, terdapat banyak jalan untuk menjadi pengarah filem seperti menghadiri sekolah perfileman berkolaborasi pada lakon layar dengan rakan penulisan lama.

Selain itu, menurut Abdul Razak Mohaideen, 2016, industri filem adalah suatu industri yang dipenuhi dengan pelbagai ideologi dan dihasilkan oleh pengarah yang mempunyai pelbagai pandangan. Beliau menyatakan bahawa ada sesetengah pihak beranggapan tentang industri filem hanya sebagai sebuah alat atau institusi hiburan semata-mata dan hanya menyajikan apa yang diinginkan oleh penonton adalah tidak benar. Namun menerusi Kamus Dewan dan Pustaka, 2017, filem bermaksud dokumentari filem yg memaparkan kisah sebenar tentang sesuatu perkara atau peristiwa dengan menggambarkan atau membuat cerita dalam bentuk filem. Industri filem adalah industri yang sukar untuk diusahakan dari sudut pembangunan modal insan. Ini kerana, ia hendaklah diuruskan oleh mereka yang berpengetahuan luas dalam ilmu teknologi terkini, sosial dan ekonomi supaya dapat membentuk modal insan pada masa akan datang. Oleh itu, melalui usaha yang kerap di dalam membangunkan industri filem tempatan, kita seharusnya sedar dan peka terhadap filem yang bukan hanya berlandaskan hiburan semata-mata, namun dianggap sebuah bidang profesional yang memfokuskan modal insan. (Abdul Razak Mohaideen, 2016)

# TRANSKRIP

## TRANSKRIP

### Pengenalan:

Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang pelakon terkenal dalam bidang lakonan. Bersama-sama kami ialah Puan Ellie Suriaty Omar yang merupakan seorang pelakon dan pengarah wanita Malaysia sehingga sekarang. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Julai 2022 bersamaan hari Ahad bermula pada pukul 2.00 petang sehingga 4.00 petang dan akan dijalankan secara atas talian menggunakan platform Google Meet di tempat masing-masing. Temubual ini dikendalikan oleh Nur Syahirah Yusoff dan Wan Azia Maria Wan Mazlan. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

ESO: Ellie Suriaty Omar  
WAM: Wan Azia Maria  
NS: Nur Syahirah

### BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**NS : Jadi kita ke topik yang pertama iaitu tentang latar belakang, jadi apakah nama penuh Puan?**

**ESO : Baik, terima kasih kerana kesudian pihak kalian untuk menemu ramah saya berkenaan dengan latar belakang saya serta pembabitan saya selama dua puluh tiga tahun di dalam bidang industri kreatif. Nama penuh saya adalah Ellie Suriaty binti Omar dan saya menggunakan nama saya dalam IC [Identification Card] untuk bergerak sebagai anak seni dalam industri kreatif, saya tidak ada nama samaran. So, nama saya adalah Ellie Suriaty binti Omar.**

**NS : Dimanakah Puan dilahirkan?**

**ESO : Saya dilahirkan di Hospital Universiti Petaling Jaya pada tahun 1971 bertarikh 20 Februari 1971.**

**NS : Oh, dimanakah pula--**

**ESO : So, usia saya sekarang adalah lima puluh satu tahun**

**NS : Dimanakah pula Puan dibesarkan?**

**ESO :** Saya dibesarkan di Petaling Jaya. Saya bersekolah rendah di Sekolah Seri Petaling, Sekolah Rendah Seri Petaling, Petaling Jaya. Kemudian pada tingkatan 1, saya masuk sekolah Tengku Ampuan Rahimah, Klang, STAR, Klang. Tingkatan 2 ke tingkatan 5 saya masuk ke Sekolah Sultan Ibrahim Girl School, Johor Bharu, SIGS. Masa zaman sekolah saya aktif dalam penglibatan teater, school band [pancaragam sekolah] saya main muzik trombon, alat muzik trombone untuk school band [pancaragam sekolah] SIGS, saya main Golden Trombone. Lepas daripada sekolah, tamat persekolahan saya terus masuk bekerja dengan Malaysia Airlines System, MAS, bahagian Reservation dan Ticketing [tempahan dan tiket] selama setahun. Selepas itu, saya terbang sebagai peramugari Malaysia Airlines System selama 7 tahun.

**WAM : Oh, lama --**

**ESO :** Kemudian, apa dia?

**WAM : Lamanya, lamanya jadi peramugari**

**ESO :** Lama, lama ya. Itu saya rasa tahun 1990 – 1997. Kemudian saya pergi ke ujibakat-ujibakat yang ada tertera di surat khabar-surat khabar you know [awak tahu] Ujibakat untuk pengacara, pelakon dan ujibakat untuk teater dan dari situlah saya bermula.

**NS : Dimanakah Puan tinggal sekarang?**

**ESO :** Oh, sekarang saya tinggal di Bukit Antarabangsa. Bukit Antarabangsa, Ulu Klang.

**NS : Siapakah nama ibu dan ayah Puan?**

**ESO :** Ayah saya bernama Omar bin Abdul Hamid. Ibu saya Noriah binti Mat Akhir. N-O-R-I-A-H binti Mat A-K-H-I-R

**NS : Berapakah bilangan adik-beradik Puan? dan Puan anak yang ke berapa?**

**ESO :** Adik beradik saya lima orang. Saya anak yang keempat. Second last [kedua terakhir] saya sebab adik beradik saya tiga lelaki dua orang perempuan.

**NS : Mereka ada terlibat dalam bidang seni juga ke Puan? Adik beradik Puan?**

**ESO :** Macam mana Syahirah?

- NS** : **Adik beradik Puan tu [itu] ada terlibat dalam bidang seni juga ke?**
- ESO** : Takde [Tiada] (sambil menggeleng). Saya sorang je [seorang sahaja]. Selalu dalam family [keluarga] ada, ada satu--, saya sorang [seorang] lah. Takde [tiada], orang kata daripada mak bapak [ibubapa] kita ke [atau], adik beradik kita ke kan dalam bidang ni, takde [tiada].
- NS** : **Berapakah anak Puan?**
- ESO** : Kalau ikut bilangan yang benar empat, tapi dua orang meninggal yang hidup dua. Sepasang- sepasang, sepasang hidup, sepasang meninggal. Anak saya yang ada adalah Azrell Omar Iskandar A-Z-R-E-L-L Omar Iskandar. Em, 17 tahun, 17 setengah lah, dia dah habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] tapi dia masih 17 because [sebab] dia December baby [bulan Disember sayang]. And then (Dan kemudian), anak saya yang perempuan adalah Nur Azreen, N-U-R A-Z-R-E-E-N Omar Iskandar berumur 13 tahun. Dia 13 tahun.
- NS** : **Apakah petua Puan dalam mendidik anak-anak sehingga berjaya dalam hidup mereka?**
- ESO** : Ya, macam mana dik? Macam mana?
- NS** : **Apakah petua Puan dalam mendidik anak-anak sehingga berjaya dalam hidup mereka?**
- ESO** : Satu perkara adalah tentang kejujuran, tentang moral hidup sebagai hamba Allah. Hidup tu [itu] kena ada ketelusan, kejujuran, kena ada keikhlasan. Itu amat penting, itu adalah values [nilai] yang saya titikberatkan. Hidup harus kena ada keberanian untuk berkata benar walaupun sakit, walaupun pahit kita harus berdepan, berdepan dengan apa yang kita tuturkan itu harus ada fakta, harus ada keberanian untuk menyatakan. Dan tentu sekali based [tapak] kita paling utama adalah agamalah, agama itu perlu, agama itu penting sebab ia tiang kita lah, macam tiang seri. Kalau kita takde [tiada] pegang pada agama ia seolah kita takde [tiada] pendirian ataupun terumbang ambing. So [jadi], religion is very important [agama adalah penting].

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## BAHAGIAN 2: SEJARAH PENDIDIKAN

**NS** : Ya, betul Puan. Seterusnya, tentang sejarah Pendidikan. Apakah hobi Puan pada masa lapang?

**ESO** : Saya cuba untuk ada masa lapang tapi masa lapang tu susah nak dapat sebab saya terlalu sibuk setiap masa. Saya always busy [selalu sibuk] macam sekarang ni in between [tengah] masa kan--, em, hobi saya adalah untuk mendapatkan sebanyak masa yang boleh dengan anak-anak, dengan keluarga. Sekarang hanya saya dan anak-anaklah, kalau sebelum ini sebuah keluarga. So [jadi], time [masa] untuk family [keluarga] itu sangat pentinglah, masa untuk saya dan anak-anak sangat penting kerana the rest of the time [masa yang lain] memang occupied [terlibat] dengan kerja. Dan saya alhamdulillah dengan izin Allah, mempunyai tiga medium iaitu filem, tv [televisyen] dan pentas teater. Jadi tiga skill [bakat] ini adalah tiga skill [bakat] dalam medium yang berbeza. Ya, jadi masa tu [itu] bila kita sibuk, kita tersangat sibuk dan sekarang ni saya tengah dalam satu penggambaran filem bertajuk 'Saadiyah', ini adalah filem kedua saya selepas filem Penanggal. Kami baru habis first block [blok pertama] dan kita akan teruskan untuk blok yang kedua tetapi kita ada grace period of time [tempoh tangguh masa] tengah-tengah sebab kita ada persiapan-persiapan yang kita perlu laksanakan sebelum penggambarannya pada bulan sembilan [September].

**NS** : Oh--

**ESO** : Ya, and then [dan kemudian] saya sedang dalam persiapan untuk sebuah Program Realiti TV [televisyen] untuk TV3 iaitu 'Team for Action' dan ia akan berlangsung di bulan Ogos, awal bulan Ogos. So, I think [Jadi, saya rasa] saya sedang membuat persiapan lah kan dimana 'Team for Action' ni adalah sebuah realiti tv [televisyen] mencari bintang aksi untuk pelapis pada masa akan datang. So [Jadi], kalau nak cakap pasal free time [masa lapang], hobi, takde [tiada]. Saya nak sangat pergi scuba diving [selam skuba], saya nak sangat ambil diving class [kelas renang] dan berapa kali dah saya try [cuba] nak buat diving class [kelas renang] tu [itu], saya terpaksa cancel all the time [batalkan sepanjang masa] sebab masa saya tu [itu] terlalu tak cukup (ketawa).

**NS** : Bagaimana pula dengan cita-cita Puan semasa di sekolah dulu?

**ESO** : Cita-cita semasa kat [di] sekolah?

**NS** : **Ya, ya Puan.**

**ESO** : Masa kat [semasa di] sekolah jadi lawyer [peguam]. Masa kat [semasa di] sekolah nak jadi lawyer tapi... pementasan teater kan. Dan masa saya kecil-kecil [kanak-kanak], saya suka pergi tengok wayang dekat rumah saya tu ada satu panggung wayang, panggung wayang Kwong Wah nama dia K-W-O-N-G W-A-H. So [jadi], habis sekolah saya mesti singgah tengok wayang walaupun pakai... saya dapat masuk free [percuma] (ketawa). Jadi, saya amaze [teruja] dengan layar lebar, saya amaze [teruja] dengan cinema [panggung wayang] skop. Ya, sebab saya rasa macam magic [silap mata], bila saya tengok orang atas layar tu.

**NS** : **Ya, Puan (tersenyum)**

**ESO** : Dan saya rasa... macam mana nak masuk dalam ni. So, I guess actually [Jadi, saya rasa sebenarnya] apa yang kita cita-citakan masa zaman kanak-kanak adalah cita-cita yang solid [padu] bila dekat sekolah kalau cikgu cakap "awak nak jadi apa?" Oh, nak jadi peguam, nak jadi polis, nak jadi cikgu apabila pekerjaan-pekerjaan yang kita nampak depan mata itu semua pekerjaan mulia, baik, pekerjaan yang baik tetapi sebenarnya cita-cita kita telah terbentuk atas apa yang kita kata-katakan. Itu mungkin lah yang dimaksudkan dengan Qada' dan Qadar kerana kita telah mengeluarkan kata-kata, mestilah nak tiru dalam tu, macam mana nak masuk dalam tu. Dan perasaan amaze [teruja] bila kita melihat karya atas layar lebar. Itu benar-benar memaut hati saya dan saya masa tu [itu] kanak-kanak, tetapi of course [memang benar] pada waktu itu, saya tak tahu itu kena masuk industri kreatif, saya tak tahu anything about [semua tentang] industri kreatif. Tetapi perasaan itu dah membuak-buak untuk pergi ke situ dan ini yang maksud saya Qada' dan Qadar itu. Dia keluar daripada mulut kita sendiri kerana ia telah dituliskan untuk kita untuk... Tapi masa kita kanak-kanak, kita tidak sedar akan waktu, akan bila ketetapan masa sedangkan ia dah berlangsung dalam hidup kita. Itu maksudnya.

**NS** : **Okay Puan. Seterusnya seperti yang Puan bagitahu [beritahu] tadi, Puan pernah menyertai pertandingan trombon.**

**ESO** : Oh, saya tak pernah menyertai pertandingan trombon tetapi saya main alat muzik trombone semasa saya dalam band [pancaragam] sekolah SIGS [Sultan Ibrahim Girl School].

**NS : Adakah dengan menyertai permainan ini akan mengganggu pembelajaran Puan ketika sedang belajar?**

**ESO :** Okay, di SIGS [Sultan Ibrahim Girl School], kita ada satu kelas, kelas itu khusus untuk orang-orang aktiviti adalah untuk sekolah seperti atlet, seperti band girls [gadis pancaragam]. Saya adalah band girls [gadis pancaragam] di sekolah SIGS [Sultan Ibrahim Girl School]. Sekolah SIGS [Sultan Ibrahim Girl School] sangat terkenal dengan pancaragam sekolah seperti band girl [gadis pancaragam], seperti atlet. Jadi, rata-rata kita semua akan duduk dalam satu classroom [kelas] dimana semua student [pelajar] nya yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum khusus untuk sekolah. Maksudnya mewakili sekolah, mewakili daerah, mewakili macam-macam. So [jadi], ia memang sebuah kelas yang dibuat khusus untuk itu. Jadi, dari segi teknik masa pembelajaran, kebanyakan masa kelas itu memang kosong sebab masing-masing akan pergi untuk aktiviti macam kalau kita ada persembahan nak buat 31<sup>st</sup> August, kita ada fill work [mengisi kerja], bila fill work [mengisi kerja] kita perlu banyak latihan. Jadi, katalah berapa orang yang dalam pancaragam sekolah dalam kelas itu, katakanlah dalam 20 orang, 20 orang tak akan ada dalam kelas tetapi masa kita belajar akan digantikan pada waktu lain supaya kita tak ada miss anything about the classes [terlepas apa-apa tentang kelas].

**NS : Jadi, apakah pencapaian terbaik yang pernah Puan perolehi semasa di peringkat sekolah?**

**ESO :** (Ketawa). Pencapaian saya memang sepanjang masa dalam pancaragam sekolah SIGS. Itu pencapaian and then [kemudian] sedikit keluar daripada pancaragam sekolah ini ialah bila saya juga terlibat dalam school [sekolah] teater, ada pementasan sekolah dan sedikit lagi terkeluar bila saya masuk kuiz mewakili sekolah peringkat daerah, kuiz Sejarah. Itu sedikit terkeluar. So [Jadi], itu antara pencapaian-pencapaiannya lah.

**NS : Bagaimanapula dengan pengalaman manis yang Puan tidak dapat lupakan semasa di sekolah?**

**ESO :** Terlalu banyak. Saya duduk asrama, dia ada dua asrama. Satu asrama junior and then bila kita dah masuk certain [tertentu] tingkatan kita pindah ke asrama yang senior. So [Jadi], pengalaman saya sangat menarik sepanjang tempoh persekolahan termasuklah semasa saya duduk di asrama. Jadi macam mana kita akrab dengan kawan-kawan, macam mana kita belajar tentang hidup



bermasyarakat, living in society [hidup dalam masyarakat]. So, saya belajar di peringkat awal hidup saya untuk menjaga rakan sekeliling. I think that though me about leadership and then leadership [Saya fikir itu mengajar saya tentang kepimpinan dan kemudian kepimpinan] ini banyak peranannya dalam pekerjaan saya sekarang terutama bila saya mengarah filem atau tv [televisyen] drama atau pementasan because [sebab] seorang pengarah adalah nakhoda kapal untuk keseluruhan anak buahnya. So, yes, I learn about leadership [Jadi, ya, saya belajar tentang kepimpinan] dari zaman saya sekolah. So [Jadi], pada saya itu kenangan manis because [sebab] dia mengajar saya untuk tough [kuat], dia mengajar saya untuk membuat keputusan, dia mengajar saya tentang empathy [empati] terhadap rakan-rakan saya sekeliling, dia mengajar saya untuk bersikap tidak mementingkan diri sendiri dan mengutamakan rakan pasukan. So [Jadi], itu adalah essence [intipati] dalam leadership [kepimpinan] yang saya pelajari sepanjang hidup saya adalah ketika saya di sekolah.

**NS** : **Baiklah Puan. Boleh dijadikan sebagai teladan.**  
**ESO** Terima Kasih (senyum)

## **TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA**

**WAM** : **Seterusnya, tadi [sebentar tadi] Puan ada cakap [bagitahu] Puan jadi [bekerja sebagai] Pramugari. Apakah dorongan dari orang sekeliling yang diberikan kepada Puan untuk memilih pekerjaan tersebut?**

**ESO** : Ok, takda [tiada]. Dia [sebab] kerana saya ada seorang sahabat masa di sekolah asrama, dan dia lepas SPM, dia kena duduk [tinggal] dengan ibu dia yang dah [sudah] bercerai dengan bapa dia. Jadi dia kena [harus] pergi Chicago, kena [harus] duduk [tinggal] di Chicago, Amerika Syarikat. Dia saya punya bestfriend [kawan baik], dan kita ada cita-cita untuk menghadapi hidup yang akan datang lepas SPM. You know this is my bestfriend, jadi kita ada macam-macam perancangan, sekali tiba-tiba dia kena [harus] pergi duduk Amerika, dan saya rasa, macam mana kita punya dream [impian]. So [Jadi], the only way [hanya satu cara] untuk saya travel [melancong] dan dapat berjumpa dia adalah dengan menjadi seorang pramugari. Itu sebab dia. Jadi, saya pergi ke interview [ujian] tu

[itu], temuga untuk jadi pramugari. Sikap saya adalah, terhadap ibu bapa saya, selagi saya tidak dapat pekerjaan itu, saya takkan [tidak akan] buka mulut, sampai saya dah [sudah] dapat baru saya bagitahu. Ya. Jadi, saya pergi temuduga, dia [temuduga] ada tiga tapisan, temuduga pertama, temuduga kedua, temuduga ketiga. Cara temuga yang pertama tu [itu] masuk sepuluh orang. So [Jadi], daripada sepuluh orang tu [itu] dia [penemuduga] akan pilih macam mana [bagaimana] cara kita [orang yang ditemuduga] bawa diri, bagaimana kita [orang yang ditemuduga] menjawab persoalan-persoalan yang diajukan oleh penemuduga yang rata-ratanya adalah bekas pramugari atau pramugara ataupun mereka yang dah [sudah] berpangkat dalam industri penerbangan. Jadi, of course [sudah tentu], kita [orang yang ditemuduga] akan diukur dengan ketinggian, keterampilan dan sebagainya. Saya melepasi peringkat pertama, kedua, ketiga dan seterusnya final interview [ujian terakhir] dan saya dapat. Pada ketika itu, bila kita masuk training [latihan] selama tiga bulan, waktu tu [itu] tidak ada contract crew [kru kontrak], kita terus jadi permanent [pekerja kekal], selepas tiga bulan, kemudian baru MAS serap [ambil] kontrak selama tiga tahun dan sebagainya. Jadi waktu itu saya masih memegang nombor pekerja yang tetap dengan Malaysia Airlines System. That is a big difference [itu adalah perbezaan yang sangat besar], dan pengalaman bekerja dengan MAS sangat baik, dan banyak, saya berpeluang untuk menjelajah ke seluruh tempat yang ada dalam destinasi penerbangan Malaysia Airlines System kecuali Israel je [sahaja] kita [penumpang dan semua pekerja] tak [tidak] boleh masuk sebab dalam passport kita [penumpang dan semua pekerja] tidak boleh masuk Israel because [sebab] kita [penumpang dan semua pekerja] tidak sokong penubuhan negara Israel tu [itu]. Orang kata jauh perjalanan luas pengalaman itu saya setuju, sebab kita tengok the diversity of other country [kepelbagaian negara lain], other people's culture [budaya orang lain], berbeza dengan kita. Then, then kita tengok diorang [mereka] punya wave of living [gelombang kehidupan], and then we have been to the country [dan bila kita pernah pergi ke negara tersebut] and live there for [dan tinggal disana selama] paling sekejap pun dalam dua minggu. Tetapi pada saya, kalau kita betul-betul nak [mahu] mengenali sesebuah negara tu [itu] you have to live at least a couple of years [awak harus tinggal sekurang-kurangnya beberapa tahun]. Tetapi sebagai traveler [pengembara], also [juga] orang kata little ambassador [duta kecil] daripada Malaysia, sebagai pramugari ni [ini], kita [pramugari] masih boleh

mengenali bagaimana perubahan, perbezaan gaya hidup antara Malaysia dengan negara-negara lain.

**WAM : Faham. Bagaimana pula dengan penerimaan keluarga Puan tentang kerjaya tersebut?**

**ESO :** Ibu bapa saya waktu itu sangat terkejut sebab saya seorang yang suka buat dulu baru bagitahu (Ketawa). Saya suka buat sesuatu yang nampak hasil baru announce [bagitahu]. So [Jadi], diorang [mereka] sangat terkejut, dan bila saya tunjuk surat MAS, tunjuk gambar-gambar training [Latihan] dan sebagainya, ibu bapa saya sokong. Sama [begitu juga] saya ambil keputusan untuk tinggalkan dunia penerbangan, untuk masuk ke industri kreatif, saya pergi audition [ujibakat], saya jadi pengacara untuk video M, menjadi pelakon untuk beberapa drama dan saya ambil cuti sebab dalam penerbangan, satu tahun kita ada tiga puluh lima hari cuti, so [jadi] bila saya dah [sudah] tujuh tahun, ada berapa banyak ratus hari cuti. Jadi, saya masih dalam cuti tapi berbayar. So [Jadi], parents saya tidak tahu saya pergi audition [ujibakat] dan sebagainya. Bila saya dah [sudah] dapat, dan saya bagitahu saya dah [sudah] dapat satu pekerjaan baharu dan saya berhenti MAS. Itu yang membuatkan diorang [mereka] marah [Ketawa]. Sebab ibu bapa saya nak [mahu] pastikan saya tidak buat langkah dan keputusan yang salah dalam menentukan kerjaya masa depan kerana pada ibu bapa saya, saya dah [sudah] terjamin dalam pekerjaan. Tetapi saya mempunyai pandangan yang berbeza tentang hidup. Saya rasa kalau saya tambah tahun, ia akan hanya menambah tahun, of course [sudah tentu] setiap penerbangan itu memberikan pengalaman yang berbeza. Tetapi saya dah [sudah] merasanya [bekerja] selama tujuh tahun, kalau saya tambah tahun ia akan jadi sepuluh hingga lima belas tahun sedangkan saya perlukan lima belas tahun itu untuk bina kerjaya baru. Jadi, saya seorang yang suka buat keputusan dahulu dan saya nampak result [hasil], saya akan cakap. Then [Kemudian], ibu bapa saya ketika itu sangat upset [kecewa] dengan keputusan saya kerana saya tidak berbincang, cuma mak [ibu] saya cakap, genggam bara api biar sampai jadi abu, baru puas hati. Dia [ibu] kata, kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai. Saya akan proof [buktikan] diri saya yang masa depan itu tidak disia-siakan dan selalu buat terbaik dengan izin Allah, selalu berdoa sebab kita hamba sahaja. My biggest challenge is myself, not other people [Cabaran terbesar saya adalah saya sendir, bukan orang lain]. Saya juga mahukan yang terbaik untuk hamba Allah yang lain, dan untuk masa depan orang lain. Saya seorang yang celebrate

[meraikan] orang-orang yang lain samada dalam seni kreatif mahupun tidak. Selalu kena cuba buat terbaik dan berfikiran luar dari kotak, jangan takut-takut untuk experience [mengamalkan] perkara yang baik dan dapatkan level of confidence [tahap keyakinan] dengan doa pada Allah SWT. Banyak perkara dalam hidup yang memerlukan keputusan-keputusan besar untuk kita laksanakan. Dalam kehidupan saya, samada secara personal [peribadi] mahupun keputusan untuk sesuatu pekerjaan dalam industri kreatif yang memerlukan keputusan-keputusan besar. Keputusan ini tidak dapat kita capai sebaik-baiknya kalau tanpa doa pada Allah SWT sebab dengan doa, kita rasa lapang pemikiran dan untuk membuat satu-satu keputusan walaupun risiko tinggi.

**WAM** : **Faham. Apakah pengalaman pahit Puan semasa bekerja Pramugari tu [itu]?**

**ESO** : Semuanya baik dik [adik] (Ketawa).

**WAM** : **Baik. Takda [tiada] yang pahit?**

**ESO** : Takda [Tiada]. Masa tu [itu] kita [pramugari] takda [tidak] fikir kapal terbang nak [mahu] terhempas, kita [pramugari] tidak ada fikir yang bukan-bukan. Mungkin sebab kita [pramugari] muda waktu tu [itu], dan kita [pramugari] tidak fikir benda-benda negative [tidak baik]. So far [Sehingga ini], takda [tiada] pengalaman yang tidak baik, bila kita seorang pramugari [Batuk], first thing [perkara yang pertama] kita [pramugari] ada atas pesawat itu atas ciri keselamatan. Secondary [Kedua], service [perkhidmatan], kerana penumpang membayar tiket yang mahal dan bila perjalanan itu jauh more than one hour [lebih daripada satu jam], and [dan] kita [penerbangan] ada hidangan meal [makanan] dan sebagainya, itu adalah dalam kita [pramugari] punya job scope [skop pekerjaan]. Pertama sekali because of safety of the passengers [kerana keselamatan penumpang-penumpang], kerana itu kita [pramugari] ada disitu. Kita kena attend [menghadiri] kelas safety [keselamatan] setiap tahun untuk renew licence [memperbaharui lesen] sebagai pramugari untuk handle the passengers [mengendalikan penumpang-penumpang itu], safety equipments [kelengkapan keselamatan] dalam pesawat dan kalau berlaku apa-apa dalam sembilan puluh second [saat], semua orang [penumpang] kena evacuate the aircraft [mengosongkan pesawat] samada waktu jatuh dalam air laut ataupun on the ground [atas tanah]. Then [Kemudian], you [pramugari] tak [tidak] boleh evacuate [kosongkan] dulu, you [pramugari] kena letak passengers [penumpang] ke depan and you are the last because

[pramugari adalah yang terakhir kerana] kita [pramugari] sign life [tandatangani hidup] kita [pramugari] dengan MAS waktu itu (Batuk). Jadi, saya tidak ada pengalaman yang pahit setakat [selama] tujuh tahun itu, selain daripada kita dapat travel [menjelajah] ke banyak negara, and of course [semestinya] sepanjang penerbangan ada cuaca yang sangat buruk sampai kita [semua] melambung dalam kapal terbang, tapi [tatapi] waktu itu tak [tidak] takut dan tak [tidak] rasa nak [mahu] mati, aircraft [kapal terbang] terjunam atau terbakar [Ketawa]. Alhamdulillah.

**WAM** : **Ok. Apakah anugerah yang telah diperolehi oleh Puan sewaktu bekerja pada masa tu [itu]?**

**ESO** : MAS you mean [maksud awak MAS]? Malaysian Airlines?

**WAM** : **Yes [Ya].**

**EOS** : Ok then [Baiklah]. Tak ada [tiada] anugerah sebab saya bekerja tujuh tahun, ramai lagi yang lebih lama daripada saya. Yes [Ya], dan saya berhenti pada kerjaya saya sebagai pramugari tu [itu] tengah [semasa] satu anjakan yang sangat baik. Tetapi saya ambil keputusan untuk pergi audition [ujibakat] dan sebagainya and then [dan kemudian] saya letak jawatan. Saya tulis surat untuk saya berhenti supaya saya dapat gunakan cuti saya yang beratus-ratus hari tu [itu]. Keputusan itu memeranjatkan ramai kawan-kawan saya juga, sebab saya tak [tidak] tanya pendapat siapa pun. Jadi, pencapaian dalam kerjaya, ia secara personal [peribadi], saya merasakan yang saya tengah ascending [menaik], kalau saya stay [bekerja] lama sikit [sedikit], saya dapat jadi leading stewardess [ketua pramugari], maksudnya ketua pramugari. Tapi [tetapi] macam saya kata, kalau saya tambah setahun dan setahun and maybe ten years [dan mungkin sepuluh tahun], masa saya disitu tetapi saya boleh collect memories [kumpul kenangan] and [dan] pengalaman baru di tempat lain. So [Jadi], it is all about taking the risk and chances in life [ini semua tentang mengambil risiko dan peluang hidup].

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

#### **BAHAGIAN 4: SEJARAH LAKONAN**

**WAM** : **Seterusnya saya akan tanya pasal sejarah lakonan Puan Ellie. Soalan yang pertama, adakah Puan menyertai kelas lakonan untuk mengasah lagi bakat Puan dalam lakonan?**

